

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 ( 24 )  
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

25 Ogos 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan  
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar  
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11 TAHUN 2010 : PEMANSUHAN  
BAYARAN WAD KEPADA PEGAWAI DAN PESARA PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2010 yang bermesyuarat pada 21 Julai 2010 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2010 berkenaan pemansuhan bayaran wad kepada pegawai dan pesara perkhidmatan awam

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 11 Tahun 2010 mengenai Pemansuhan Bayaran Wad Kepada Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,



**(HARYANI BINTI ABDULLAH)**  
b.p Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang

s.k YH Dato' Naib Canselor

---

**PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 11 TAHUN 2010**

---

**PEMANSUHAN BAYARAN WAD KEPADA PEGAWAI DAN PESARA  
PERKHIDMATAN AWAM**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 2010 berkenaan pemansuhan bayaran wad kepada pegawai dan pesara perkhidmatan awam.

**2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 Peraturan semasa menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam, ahli keluarga dan ibu bapa yang sah yang dimasukkan ke hospital Kerajaan untuk mendapatkan rawatan akan dikehendaki membayar bayaran wad mengikut kadar yang ditetapkan.
- 2.2 Dalam perenggan C2 berkaitan kelayakan dan kadar bayaran wad di Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 telah menetapkan kadar bayaran wad adalah seperti berikut;

---

<i><b>Kumpulan/Gred</b></i>	<i><b>Kelayakan Wad</b></i>	<i><b>Bayaran Wad Sehari</b></i>
Pengurusan Tertinggi	Kelas 1 Bilik Seorang	RM 10.00
45 – 54	Kelas 1 Bilik Seorang	RM 10.00
31 – 44	Kelas 1 Bilik Berdua	RM 8.00
21 – 30	Kelas 1 Bilik Bertiga	RM 6.00
1 – 20	Kelas 2	RM 3.00

---

2.3 Berdasarkan Perintah Am Bab F (Perkara IV) berkenaan Bayaran dan Peraturan Wad telah menetapkan bahawa;

(a) **Bayaran Wad**

Sungguhpun pegawai-pegawai dan keluarga mereka boleh diberi rawatan dan ubat-ubat yang percuma di hospital-hospital atau di klinik-klinik, mereka akan dikehendaki membayar bayaran wad apabila dimasukkan ke hospital mengikut kadar-kadar yang ditetapkan. Kadar bayaran tersebut akan dikecualikan kepada pesakit tibi, kusta dan barah. Orang ramai akan dikecualikan daripada membayar bayaran wad kerana mengidap penyakit merebak, seseorang pegawai yang mengidap penyakit yang sama akan juga dikecualikan dari membayar bayaran wad.

(b) **Pengecualian Bayaran Wad Bila Sakit di Luar Ibu Pejabat**

Seseorang pegawai yang jatuh sakit atau menerima kecederaan semasa menjalankan tugas rasminya di luar ibu pejabatnya akan dikecualikan daripada membayar bayaran wad apabila ia terpaksa dimasukkan ke dalam hospital di luar ibu pejabatnya.

(c) **Bayaran Wad Sama Bagi Keluarga Pegawai**

Keluarga pegawai adalah berkelayakan untuk dimasukkan ke dalam kelas wad yang sama seperti pegawai sendiri dan mereka akan dikenakan bayaran wad yang sama dengan pegawai melainkan bagi kes seperti dalam Perintah Am 24.

2.4 Berdasarkan Skim Perkhidmatan Perubatan Staf Universiti Malaysia Pahang telah menyatakan bahawa;

(a) Staf atau tanggungan yang dimasukkan kedalam wad dikehendaki membayar bayaran wad pada had yang ditetapkan/dikenakan oleh hospital/klinik kerajaan. Bagi staf yang dimasukkan ke hospital/klinik

kerajaan kerana kecederaan semasa menjalani tugas rasmi, segala bayaran wad akan ditanggung oleh Universiti.

- (b) Jika staf atau tanggungan memilih untuk memasukkan ke wad yang lebih tinggi dari kelayakan, mereka dikehendaki membayar bayaran wad pada kadar yang ditetapkan bagi kelas yang lebih tinggi itu. Jika staf atau tanggungan dirujuk oleh hospital/klinik kerajaan untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta kerana ketiadaan pakar maka staf akan diminta membayar kadar wad hospital swasta dengan kadar wad mengikut kelayakan masing-masing di hospital/klinik kerajaan.

### 3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Kerajaan telah memutuskan bahawa bayaran wad yang dikenakan kepada pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam, ahli keluarga dan ibu bapa yang sah semasa mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan dimansuhkan.

---

<i>Kumpulan/Gred</i>	<i>Kelayakan Wad</i>
Pengurusan Tertinggi	
45 – 54	Kelas 1 Bilik Seorang
31 – 44	Kelas 1 Bilik Berdua
21 – 30	Kelas 1 Bilik Bertiga
1 – 20	Kelas 2

---

- 3.2 Pemansuhan bayaran wad ini tidak menjejaskan kelayakan wad yang ditetapkan kepada pegawai. Kelayakan wad adalah berdasarkan gred pegawai seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah, tertakluk kepada fasiliti yang disediakan oleh pihak hospital;
- 3.3 Kelayakan wad untuk ahli keluarga dan ibu bapa yang sah adalah berdasarkan kepayakan yang ditetapkan kepada pegawai.
- 3.4 Kelayakan wad untuk pesara dan ahli keluarga adalah berdasarkan gred hakiki terakhir pegawai sebelum bersara.
- 3.5 Jika pegawai atau pesara Perkhidmatan Awam atau ahli keluarga atau ibu bapa yang sah meminta untuk dimasukkan ke dalam wad yang lebih tinggi dari kelayakannya, maka pegawai atau pesara berkenaan akan dikehendaki membayar bayaran wad mengikut kadar yang dikenakan kepada orang awam. Pegawai dan pesara juga dikehendaki membayar deposit sebelum dimasukkan ke wad yang lebih tinggi mengikut kadar yang ditetapkan.

#### 4.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan C2 berkaitan kelayakan dan kadar bayaran wad di Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, perenggan 11 berkaitan kadar bayaran wad sehari di Lampiran O, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1991 dan Bahagian J berkaitan permohonan perbelanjaan bagi rawatan di luar negeri di Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 adalah **dibatalkan**.

## 5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 April 2010.

### “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh :

#### **Edaran Kepada.:**

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah/Ketua Jabatan

#### **Salinan kepada.:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)